

PANDUAN PELAKSANAAN PENYELIDIKAN SECARA LALUAN PANTAS (*FAST-TRACK*) UNTUK PROGRAM DOKTOR FALSAFAH MOD PENYELIDIKAN

KANDUNGAN

1. PENGENALAN
2. DEFINISI
3. PANDUAN PELAKSANAAN
 - 3.1. SYARAT KEMASUKAN
 - 3.2. LAIN-LAIN SYARAT
 - 3.3. STRUKTUR PROGRAM DAN PENILAIAN
 - 3.4. PERATURAN VISA DAN IMIGRESEN
 - 3.5. KELAYAKAN DAN LANTIKAN PENYELIA, PENYELIA BERSAMA DAN PENYELIA LAPANGAN
 - 3.6. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB FAKULTI/ PUSAT
 - 3.7. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PENYELIA UTAMA, PENYELIA BERSAMA DAN PENYELIA LAPANGAN
 - 3.8. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PELAJAR
 - 3.9. PENUKARAN KAEDAH PENGAJIAN
 - 3.10. PERLANJUTAN TEMPOH PENGAJIAN
4. URUSAN PENYELIDIKAN
5. PEPERIKSAAN
6. SYARAT PENGANUGERAHAN

1. PENGENALAN

- 1.1. Dokumen ini adalah sebagai Panduan untuk kemasukan secara terus/ *Fast Track (accelerated admission)* yang memberi peluang kepada graduan Sarjana Muda yang mempunyai kelayakan akademik dan potensi yang tinggi untuk melanjutkan pengajian ke program Doktor Falsafah secara penyelidikan tanpa mempunyai kelayakan Sarjana di dalam bidang yang berkaitan.
- 1.2. Kaedah ini terbuka kepada calon pelajar tempatan dan antarabangsa sepenuh masa sahaja.
- 1.3. Kaedah ini juga terbuka kepada calon pelajar dalam bidang dan tanpa kelayakan dalam bidang. Calon pelajar tanpa kelayakan dalam bidang perlu lulus kursus prasyarat sebelum memulakan pengajian.
- 1.4. Fakulti/ Pusat mempunyai autonomi untuk menerima permohonan calon pelajar daripada semua institusi berdasarkan pertimbangan dan penilaian dalaman daripada Fakulti/ Pusat seterusnya meluluskan permohonan calon pelajar di bawah kaedah ini.
- 1.5. Polisi semasa menyatakan calon pelajar perlu dimaklumkan bahawa pelajar tidak akan dianugerahkan dengan kelayakan Sarjana sebagai *exit award* sekiranya tidak memenuhi pencapaian pada tahap Kedoktoran. Oleh itu, pelajar perlu melalui penilaian Kertas Kerja Pencalonan bagi menilai Tahap penyelidikan tersebut samada boleh meneruskan Doktor Falsafah atau Sarjana. Sekiranya pelajar tidak melepasi penilaian Kertas Kerja Pencalonan, pelajar boleh meneruskan pengajian di peringkat Sarjana.

2. DEFINISI

2.1. Laluan Pantas

Laluan kemasukan untuk calon pelajar yang mempunyai keputusan Ijazah Sarjana Muda yang cemerlang untuk melanjutkan pelajaran dalam program Doktor Falsafah secara penyelidikan dengan PNGK minimum tidak kurang daripada 3.67 atau setara.

2.2. Kursus Teras Penyelidikan

Kursus-kursus wajib lulus yang berkaitan dengan penyelidikan untuk pelajar Sarjana dan Doktor Falsafah.

2.3. **Kursus Elektif Penyelidikan**

Kursus-kursus yang ditetapkan oleh Universiti sebagai syarat penganugerahan untuk pelajar Sarjana dan Doktor Falsafah.

2.4. **Kertas Kerja Pencalonan (*Candidature Defense*)**

Kaedah penilaian yang mengesahkan pencalonan pelajar kaedah Laluan Pantas untuk Doktor Falsafah. Status pencalonan boleh ditukar daripada Doktor Falsafah kepada Sarjana sekiranya pelajar gagal penilaian ini. Penilaian ini perlu dilakukan selewat-lewatnya pada semester empat (4) pengajian.

2.5. **Penilaian Dalaman**

Sesi penilaian yang dilakukan oleh Fakulti/ Pusat untuk mengesahkan kemampuan calon pelajar untuk mendaftar di bawah kaedah Laluan Pantas melalui beberapa kaedah yang dipersetujui di Fakulti/ Pusat.

3. **PANDUAN PELAKSANAAN**

3.1. **SYARAT KEMASUKAN**

3.1.1. Calon pelajar mesti memenuhi syarat kelayakan masuk seperti yang tertera dalam Buku Peraturan Akademik Pengajian Siswazah Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah yang terkini.

3.1.2. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang yang berkaitan dengan kelas pertama atau PNGK ≥ 3.67 dan setaraf dengannya dari program akademik atau Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

3.2. **LAIN-LAIN SYARAT**

3.2.1. Calon pelajar perlu lulus penilaian dalaman sebelum memulakan pengajian.

3.2.2. Pelajar perlu lulus tiga (3) kursus kompetensi seperti yang dicadangkan oleh Penyelia Utama sebagai syarat penganugerahan.

3.3. STRUKTUR PROGRAM DAN PENILAIAN

- 3.3.1. Semua pelajar Doktor Falsafah Kaedah Laluan Pantas diwajibkan mendaftar dan lulus semua penilaian pada seperti dalam Jadual 1.
- 3.3.2. Keputusan penilaian adalah mengikut sistem gred seperti yang dinyatakan dalam Buku Peraturan Akademik Pengajian Siswazah UMPSA yang terkini.

Jadual 1

SEMESTER	KOD DOKTOR FALSAFAH	COURSE / ASSESSMENT NAME	GRED/STATUS	PRASYARAT
1	P** ***3	Competency Course 1	HL/TS	
	PIR1103	<i>Research Methodology</i>	HL/TS	
	PIP1100	<i>Progress Report 1</i>	MM/TM	
2	PID1200	<i>Proposal Defense</i>	HL/TS	PIR1103
	PIP1200	<i>Progress Report 2</i>	MM/TM	
	P** ***3	Competency Course 2	HL/TS	
3	PIC1300	<i>Colloquium/Seminar</i>	HL/TS	
	PIP1300	<i>Progress Report 3</i>	MM/TM	
	PIC2300	<i>Publication of Articles I</i>	HL/TS	
	P** ***3	Competency Course 3	HL/TS	
4	PIP1400	<i>Progress Report 4</i>	MM/TM	
	PIC3400	<i>Publication of Articles II</i>	HL/TS	
	MID4400	<i>Candidature Defense</i> [^]	LULUS/GAGAL	
5	PID2500	<i>Pre-Examination</i>	HL/TS	PID1200; PIC1300; PIC2300; PIC3400
	PIP1500	<i>Progress Report 5</i>	MM/TM	
6	PID3600	<i>Final Examination</i>	LULUS/GAGAL	PID2500
	PIP1600	<i>Progress Report 6</i>	MM/TM	

*Pelajar wajib mendaftar PIP1*00 Laporan Kemajuan X pada setiap semester kecuali setelah menghantar draf tesis bagi tujuan PID3600 Final Examination

*Dua (2) MyCite = Satu (1) Scopus Jurnal. PIC**00 tidak selesai (TS) jika pelajar tidak memenuhi syarat kesetaraan ini.

[^]pelajar fast track diwajibkan untuk melaksanakan MID4400 Candidature Defense

*Pelajar wajib mendaftar PIP1*00 Laporan Kemajuan X pada setiap semester kecuali setelah menghantar draf tesis bagi tujuan PID3600 Final Examination

*Dua (2) MyCite = Satu (1) Scopus Jurnal. PIC**00 tidak selesai (TS) jika pelajar tidak memenuhi syarat kesetaraan ini.

3.3.3. PENILAIAN KERTAS KERJA PENCALONAN

- a. Penilaian Kertas Kerja Pencalonan perlu berlaku pada semester empat (4) pengajian.
- b. Jawatankuasa Penilaian Kertas Kerja Pencalonan perlu dianggotai oleh:
 - i. Profesor yang berlainan bidang dari Fakulti/ Pusat yang berbeza sebagai Pengerusi.
 - ii. Penyelia Utama.
 - iii. Dua (2) pakar dalaman yang diluluskan oleh Fakulti yang merupakan pakar dalam bidang penyelidikan yang berkaitan.
 - iv. Sekretariat.
(Perkara i-iv adalah keahlian minimum bagi Jawatankuasa Penilaian Kertas Kerja Pencalonan, Fakulti/ Pusat boleh menambah keahlian lain berdasarkan keperluan)
- c. Pelajar yang lulus penilaian Kertas Kerja Pencalonan dan telah menerbitkan satu (1) artikel dalam jurnal berindeks SCOPUS/WOS/ERA atau setara boleh meneruskan pengajian dalam program Doktor Falsafah. Selepas penilaian Kertas Kerja Pencalonan, sekiranya pelajar tidak mencapai tahap Doktor Falsafah, pelajar tidak akan dianugerahkan dengan kelayakan Sarjana atau Doktor Falsafah sebagai *exit award*.
- d. Pelajar yang tidak lulus penilaian Kertas Kerja Pencalonan tetapi telah menerbitkan satu (1) artikel dalam jurnal berindeks SCOPUS/WOS/ERA atau setara boleh meneruskan pengajian dalam program Sarjana.
- e. Pelajar yang tidak lulus penilaian Kertas Kerja Pencalonan dan tidak menerbitkan satu (1) artikel dalam jurnal berindeks SCOPUS/WOS/ERA atau setara tidak boleh meneruskan pengajian walaupun dalam program Sarjana. Namun, pelajar boleh mendaftar semula pada semester pertama program Sarjana.

3.3.4. PENILAIAN DALAMAN

- a. Proses penilaian dalaman berlaku semasa proses saringan calon pelajar di Fakulti.
- b. Fakulti/ Pusat boleh menggunakan salah satu daripada kaedah penilaian seperti sesi temuduga ATAU penilaian melalui surat pernyataan kelayakan (*Personal Statement*) yang disahkan oleh Penasihat Akademik/ Penyelia Projek Tahun Akhir calon pelajar.
- c. Proses penilaian dalaman perlu dilakukan sebelum pengeluaran surat tawaran.

3.4. PERATURAN VISA DAN IMIGRESEN

- 3.4.1. Pelajar antarabangsa bertanggungjawab sepenuhnya dalam memenuhi peraturan visa dan imigresen yang ditetapkan oleh kerajaan Malaysia.

3.5. KELAYAKAN DAN LANTIKAN PENYELIA, PENYELIA BERSAMA DAN PENYELIA LAPANGAN

- 3.5.1. Lantikan Penyelia Utama/ Penyelia Bersama Dalam/ Penyelia Bersama Luar/ Penyelia Lapangan adalah berdasarkan kelayakan dan syarat lantikan seperti yang tertera di dalam Buku Peraturan Akademik Pengajian Siswazah yang terkini dan bergantung kepada kelulusan Fakulti/Pusat.

3.6. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB FAKULTI/ PUSAT

- 3.6.1. Fakulti/ Pusat perlu memastikan kemajuan penyelidikan pelajar dihantar pada tempoh dan masa yang telah ditetapkan pada setiap semester.
- 3.6.2. Fakulti/ Pusat perlu memastikan pelajar melalui dan lulus penilaian Kertas Kerja Pencalonan.

3.7. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PENYELIA UTAMA, PENYELIA BERSAMA DAN PENYELIA LAPANGAN

- 3.7.1. Penyelia Utama bertanggungjawab dalam memastikan pelajar lulus kursus-kursus teras yang berkaitan penyelidikan (seperti Metodologi Penyelidikan) dan kursus-kursus elektif yang diperlukan (seperti Kursus Kompetensi).
- 3.7.2. Penyelia Utama perlu memastikan kemajuan penyelidikan pelajar dinilai pada tempoh dan masa yang telah ditetapkan pada setiap semester.
- 3.7.3. Penyelia Utama perlu memastikan pelajar lulus penilaian-penilaian yang telah ditetapkan mengikut struktur program (Jadual 1) pada setiap semester.
- 3.7.4. Penyelia Utama perlu memastikan pelajar melalui dan lulus penilaian Kertas Kerja Pencalonan.

3.8. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PELAJAR

- 3.8.1. Pelajar perlu lulus kursus-kursus teras dan elektif seperti yang telah ditetapkan oleh Penyelia Utama.
- 3.8.2. Pelajar perlu melengkapkan dan lulus semua penilaian seperti di Jadual 1.
- 3.8.3. Pelajar perlu mengisi kemajuan penyelidikan pada tempoh dan masa yang telah ditetapkan pada setiap semester.
- 3.8.4. Pelajar tertakluk kepada semua peraturan universiti dan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) sepanjang tempoh pengajian.

3.9. PENUKARAN KAEDAH PENGAJIAN

- 3.9.1. Penukaran kaedah pengajian dibenarkan sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian pelajar.
- 3.9.2. Kaedah pengajian secara Laluan Pantas boleh ditukarkan kepada Kaedah Konvensional program Saarjana berikutan hasil daripada keputusan Kertas Kerja Pencalonan.

3.10. PERLANJUTAN TEMPOH PENGAJIAN

- 3.10.1. Pelajar dibenarkan untuk melanjutkan tempoh pengajian Doktor Falsafah selepas lulus penilaian Kertas Kerja Pencalonan.
- 3.10.2. Proses permohonan perlanjutan tempoh pengajian perlu dipatuhi seperti yang tercatat di dalam Peraturan Akademik Pengajian Siswazah UMPSA yang terkini.

4. URUSAN PENYELIDIKAN

- 4.1. Status pencalonan Doktor Falsafah diteruskan selepas pelajar lulus penilaian Kertas Kerja Pencalonan.
- 4.2. Status pencalonan Doktor Falsafah tidak diteruskan dan akan ditukarkan kepada Sarjana sekiranya pelajar gagal penilaian Kertas Kerja Pencalonan.

5. PEPERIKSAAN

- 5.1. Semua proses dan syarat lulus peperiksaan perlu dipenuhi seperti yang tercatat didalam Peraturan Akademik Pengajian Siswazah UMPSA yang terkini.

6. SYARAT PENGANUGERAHAN

- 6.1. Pelajar perlu melengkapkan dan lulus semua penilaian seperti di Jadual 1.
- 6.2. Calon yang tidak mencapai merit akademik dalam peperiksaan lisan bagi Ijazah Kedoktoran tidak akan dianugerahkan dengan kelayakan Sarjana sebagai '*exit award*'.
- 6.3. Pelajar telah menjelaskan segala bayaran yuran yang telah ditetapkan.
- 6.4. Maklumat lanjut berkaitan penganugerahan boleh rujuk buku Peraturan Akademik Pengajian Siswazah UMPSA yang terkini.